



**KETUA PENGARAH PERIKANAN**  
**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
*Director General*  
*Department of Fisheries Malaysia*  
*Ministry of Agriculture and Food Industries*  
**ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI**  
**NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4**  
**62628 PUTRAJAYA**



03-88704009



[ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)



<https://www.dof.gov.my>

## HEBAHAN MEDIA

### JOM KE LAMAN AGRO-FOOD PERIKANAN!

1. Ekspo MAHA akan diadakan sekali lagi selepas beberapa tahun tertunda akibat pandemic Covid-19. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sebagai salah satu daripada jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan turut serta di Laman Agro-Food Perikanan bermula dari 4 sehingga 14 Ogos 2022 di MAEPS, Serdang.
2. Justeru, Jabatan mengajak orang ramai ke Laman Agro Food Perikanan yang menyediakan 3 galeri sebagai tarikan pengunjung iaitu; **Galeri *Sea of Life*, Galeri Dunia Sains Akuatik dan Galeri Teknologi Akuakultur**. Pengunjung juga boleh menyaksikan persembahan ***slicing tuna* yang akan diadakan secara live**.
3. Para pengunjung juga boleh merasai pengalaman baharu di ***Black Igloo Showcase*** yang merupakan satu idea seiring dengan kemajuan teknologi alam maya. Ini merupakan salah satu tarikan atau '***surprise element***' yang akan disajikan buat pencinta dunia biru.
4. Aktiviti lain yang telah dirancang seperti jualan ***Happy Hour, Pocket Talk*** yang sangat bermanfaat kepada kumpulan sasaran, artwork canting batik, pertandingan deko perikanan, aktiviti mewarna giant puzzle myGAP, himpunan karya inovasi FIDTEC dan banyak lagi.
5. DOF menasakkan sekurang-kurangnya **200 ribu orang pengunjung** akan hadir ke Laman Agro-Food Perikanan. Sebanyak **RM100 ribu hasil jualan** dijangka

dapat dikutip sepanjang tempoh penganjuran melalui kehadiran pemain industry, orang awam yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dan universiti, penjawat awam di sekitar kawasan khususnya, para penyelidik dan seluruh rakyat di Malaysia. Pelbagai jenis jualan produk-produk perikanan turut diadakan di laman tersebut.

6. Yang Berhormat Menteri di Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan dijadualkan akan hadir melawat ke Laman Agrofood Perikanan bagi lawatan rasmi pada 11 Ogos dan 14 Ogos.
  
7. Pada hari ini, Jabatan Perikanan Malaysia mempromosikan sebahagian daripada aktiviti menarik yang akan dijalankan di MAHA nanti. Antara yang menarik pada hari ini adalah **demonstrasi somtam latok oleh Perikanan Negeri Sembilan**. Latok ini merupakan **perusahaan yang dijalankan oleh Syarikat Gamai** yang terletak di Port Dickson, Negeri Sembilan. Selain itu juga terdapat **jualan Happy Hour yang melibatkan produk perikanan kendalian KESUSIP dan PUSPANITA DOF**. Sebanyak 100kg udang putih dan produk PUSPANITA akan dijual pada harga yang berpatutan untuk pengunjung di Siar kaki Legaran Luar MAFI.
  
8. Orang ramai dijemput untuk berkunjung ke Ekspo MAHA terutamanya Laman Agro-Food Perikanan bagi memeriahkan acara-acara yang dijadualkan berlangsung selama 11 hari.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

**18 Julai 2022 (Isnin) jam 12.30 tengahari**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel: 017-794 7799 (Mohd Nizam : Ketua Unit)

012-664 9570 (Nur Aqilah)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)